

TERMA DAN SYARAT PERDAGANGAN STANDARD

NOTIS PENTING:

Pemohon dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma ini sebelum memohon mana-mana Produk Dagangan dan jika Pemohon tidak memahami mana-mana Terma, Pemohon boleh mendapatkan penjelasan Bank mengenai syarat-syarat tersebut. Terma dan syarat umum yang terpakai pada semua Produk Dagangan (Perkhidmatan Perdagangan dan Pembiayaan Perdagangan) dinyatakan dalam Klausula 1 hingga Klausula 15. Terma dan syarat khusus yang berkaitan dengan Perkhidmatan Perdagangan dan Pembiayaan Perdagangan masing-masing dinyatakan dalam Klausula 16 (*Terma Khusus Perkhidmatan Perdagangan*) dan Klausula 17 (*Terma Khusus Pembiayaan Perdagangan*).

1.0 TAKRIF DAN INTERPRETASI

1.1 Takrif

"Pemohon"	bermaksud orang yang memohon atau telah memohon apa-apa Produk Dagangan daripada Bank;
"Borang Permohonan"	bermaksud borang yang ditetapkan oleh Bank untuk Pemohon memohon apa-apa Produk Dagangan bagi faedah atau untuk penggunaannya sendiri atau pihak ketiga;
"Bank"	bermaksud CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)]
"Hari Perniagaan"	bermaksud hari (kecuali hari Sabtu, Ahad atau hari cuti umum) dimana Bank menjalankan perniagaannya di Kuala Lumpur;
"Caj"	bermaksud fi, cukai, caj, komisen, kos dan perbelanjaan dan amaun lain yang perlu dibayar oleh Pemohon untuk Produk Dagangan;
"Tuntutan"	bermaksud apa-apa permintaan bagi pembayaran atau bagi penerimaan dan pembayaran, tuntutan, pengemukakan atau pengeluaran yang dibuat berkenaan dengan Produk Dagangan oleh benefisiari pihak ketiga atau Pemohon;
"Dokumen"	bermaksud apa-apa draf, bil pertukaran, nota janji hutang, dokumen hak milik, invois, dokumen pengangkutan, dokumen perkapalan, polisi insurans / sijil takaful, perakuan, pengistiharan bertulis atau apa-apa surat cara lain yang berkaitan dengan Urus niaga Perdagangan dimana telah disediakan oleh Bank bagi Produk Dagangan itu kepada Pemohon;
"Barangan"	bermaksud apa-apa barang niaga dan apabila konteksnya membenarkan, apa-apa perkhidmatan penjual yang disediakan kepada pembeli di bawah kontrak jualan yang merupakan subjek Urus niaga Perdagangan dimana telah disediakan oleh Bank bagi Produk Dagangan itu kepada Pemohon;
"Keberhutangan"	bermaksud apa-apa semua wang, sama ada pada masa kini, pada masa hadapan, yang sebenar atau baki luar jangka atau terhutang dan perlu dibayar atau dipersetujui perlu dibayar oleh Pemohon dan/atau pihak ketiga kepada Bank untuk Produk Dagangan tersebut;
"Undang-undang"	bermaksud apa-apa undang-undang, peraturan, arahan rasmi, garis panduan, pekeliling, nota, arahan, permintaan, syarat, perintah, peraturan

dan/atau penetapan (dalam setiap perkara, sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak di dalam atau di luar Malaysia) yang atau mungkin, dari semasa ke semasa, dikeluarkan oleh mana-mana badan kerajaan, pengawal selia atau mana-mana orang atau badan lain yang mempunyai kuasa atau bidang kuasa ke atas Bank dan Pemohon;

“Cukai”

bermaksud apa-apa cukai penggunaan atau levi yang terpakai secara tidak langsung dengan menggunakan apa-apa nama atau bentuk yang boleh dikenakan oleh Undang-Undang dan / atau Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan;

“Terma”

hendaklah termasuk terma dan syarat yang lazim terpakai untuk semua Produk Dagangan dan terma dan syarat khusus yang terpakai pada masing-masing Perkhidmatan Perdagangan dan / atau Pembiayaan Perdagangan.

“Produk Dagangan”

hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada produk perkhidmatan dan pembiayaan yang berikut yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa, yang butir-butirnya dinyatakan dalam Terma ini;

Perkhidmatan Perdagangan	Pembiayaan Perdagangan
(a) Kredit Berdokumen-i (“DC-i”)	(a) Bil Penerimaan-i (“AB-i”)
(b) Pungutan Berdokumentari Jualan-i (“OBC-i”)	(b) Resit Amanah-i (“TR-i”)
(c) Surat Kredit Tunggu Sedia-i (“SBLC-i”)	(c) Pembiayaan Perdagangan Dalam Pelbagai Mata Wang-i (“MCTF-i”)
(d) Jaminan Perkapalan-i (“SG-i”)	(d) Pembelian Bil Asing-i (“FBEP-i”)
(e) Jaminan Bank-i (“BG-i”)	(e) Pembelian Bil Tempatan-i (“DBEP-i”)
(f) Jaminan Segera-i (“QG-i”)	(f) Pembiayaan Eksport Tanpa Tuntutan Semula-i (“WREF-i”)
(g) Kredit Masuk Berdokumen-i (“IDC-i”)	
(h) Pungutan Berdokumentari Belian-i (“IBC-i”)	

“Urus Niaga Perdagangan” bermaksud urus niaga asas atau urus niaga yang berkenaan dengan Produk Dagangan;

1.2 Tafsiran

Dalam tafsiran Terma ini:

- perkataan yang menyatakan bentuk tunggal hendaklah termasuk jamak dan demikianlah sebaliknya dan perkataan yang menunjukkan mana-mana jantina hendaklah termasuk setiap jantina;
- tajuk kecil, tajuk dan pembahagian peruntukan ke dalam seksyen dan klausa dalam Terma ini adalah untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai tafsiran peruntukan yang hakiki untuk Terma ini;
- jika perkataan atau frasa diberikan maksud yang tertentu, bahagian lain dalam bentuk pertuturan dan tatabahasa perkataan atau frasa tersebut akan mempunyai maksud yang sepadan;
- apa-apa rujukan kepada pihak dalam Terma ini hendaklah merujuk kepada pengganti hak milik dan penerima serah hak yang dibenarkan; dan
- jika apa-apa pembayaran jatuh pada hari yang bukan Hari Perniagaan, maka bayaran hendaklah dibuat pada Hari Perniagaan yang berikutnya atau jika Hari Perniagaan jatuh pada bulan kalendar

yang berikutnya, bayaran hendaklah dibuat pada Hari Perniagaan yang sebelumnya. Oleh yang demikian, kos atas kelewatan adalah terakru dari tarikh akhir pembayaran hinggalah tarikh pembayaran sebenar.

1.3 Pengakuan oleh Pemohon

Pemohon mengakui bahawa Bank atau wakilnya atau ejennya:

- (a) Jika ada, telah menyediakan atau memberikan Lembaran Pendedahan Produk Dagangan berkaitan; dan
- (b) telah menerangkan dengan jelas syarat-syarat utama kontrak Produk Dagangan tersebut yang boleh mempengaruhi kewajipan Pemohon.

2.0 TERMA TAMBAHAN

Terma-terma ini ialah tambahan kepada apa-apa terma lain yang dikenakan oleh Bank di bawah mana-mana surat tawaran dan perjanjian pembiayaan yang terpakai antara Pemohon dengan Bank dan sekiranya terdapat terma-terma yang bertentangan, terma yang ditetapkan dalam surat tawaran dan/atau perjanjian pembiayaan adalah terdahulu dan terpakai berkenaan dengan Produk Dagangan.

3.0 REPRESENTASI, WARANTI DAN AKU JANJI

3.1 Pemohon mewakili, mewaranti dan mengaku janji seperti yang berikut:

- (a) ia mempunyai kuasa korporat dan keupayaan yang sah di sisi undang-undang untuk menyempurnakan, menyampaikan dan melaksanakan Terma ini;
- (b) Permohonan tidak boleh melampaui kuasa yang diberikan kepada Pemohon atau melanggar peruntukan perlembagaannya atau mana-mana Undang-Undang yang Pemohon tertakluk kepadanya;
- (c) bukan bankrap atau dibubarkan dan tiada prosiding undang-undang yang belum selesai terhadap Pemohon;
- (d) tidak ada mana-mana pengarah, rakan kongsi, pegawai eksekutif, ejen dan / atau penjamin Pemohon (termasuk saudara terdekatnya) merupakan pengarah, pemegang saham yang mengawal, pemegang saham yang berpengaruh, pegawai eksekutif dan / atau pegawai Bank. Istilah "saudara dekat" bermaksud anggota keluarga yang mungkin dijangkakan akan mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu tersebut, serta tanggungan individu itu, dan ini termasuklah pasangan dan tanggungan pasangan, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan pasangan anak itu, ibu bapa dan saudara lelaki atau saudara perempuan dan pasangan mereka;
- (e) ia telah memperoleh semua permit kawal selia, lesen, kelulusan, kebenaran, pengesahan, kebenaran perintah dan / atau pengecualian sewajarnya dan telah mematuhi semua Undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan, aktiviti dan urus niaga perdagangan termasuk tetapi tidak terhad kepada import, eksport, pemunggaan, transit barangan, penyediaan bantuan teknikal atau pembrokeran di bawah Akta Perdagangan Strategik Malaysia 2010;
- (f) bahawa Barangan yang berkaitan dengan Permohonan tidak dikenakan larangan oleh, terbatas di bawah atau menyalahi mana-mana Undang-undang;
- (g) untuk membekalkan kepada Bank maklumat dan Dokumen berkenaan dengan Urus niaga Perdagangan (termasuk salinan kontrak jualan, pesanan belian dan invoice) sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank;

- (h) tidak mengemukakan Dokumen kepada mana-mana bank lain, institusi kewangan atau entiti pembiayaan yang serupa atau memperoleh apa-apa bentuk pembiayaan dan/atau pinjaman berkenaan dengan Urus niaga Perdagangan yang sama;
- (i) bahawa tiada sekatan, sama ada di peringkat negara atau antarabangsa, oleh mana-mana badan atau kerajaan terhadap Pemohon atau yang boleh menjejaskan Urus niaga Perdagangan tersebut.
- (j) bahawa berhubung dengan Urus Niaga Perdagangan tersebut (termasuk, tanpa batasan, Barangan dan apa-apa perkhidmatan yang disediakan di bawahnya) mesti patuh Syariah pada setiap masa; dan
- (k) bahawa jika perlindungan diperlukan berhubung dengan Produk Dagangan, Pemohon hendaklah mendapatkan perlindungan *takaful*, sekiranya tiada perlindungan *takaful* yang sedemikian dan/atau usaha untuk menjamin perlindungan yang sedemikian sudah pun menyeluruh, Pemohon boleh mengambil sebarang polisi insurans yang dianggap sesuai

3.2 Pemohon mengesahkan dan bersetuju atas pelantikan Bank sebagai ejen untuk melakukan yang perlu bagi proses *Tawarruq* (komoditi murabahah) seperti terma dan syarat yang dinyatakan dalam surat penawaran dan/atau perjanjian pembiayaan antara Pihak tersebut

4.0 **CAJ DAN BAYARAN**

4.1 **Caj**

Pemohon hendaklah membayar kepada Bank semua Caj di bawah Terma-terma. Bank boleh mengkaji semula Caj dari semasa ke semasa dan apa-apa semakan yang sedemikian hendaklah dimaklumkan kepada Pemohon sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa semakan semula Caj-caj tersebut. Pemberitahuan boleh diberikan dalam apa-apa cara yang merujuk kepada Klausa 8.0 (*Notis*) atau menerusi laman sesawang Bank.

4.2 **Pembayaran**

- (a) Pemohon hendaklah membayar kepada Bank semua amaun pada tarikh matang dan apa-apa amaun yang tidak dibayar pada tarikh matang akan dikenakan kos atas kelewatan pada kadar yang ditentukan oleh Bank, yang dikira dari tarikh matang hingga tarikh sebenar pembayaran.
- (b) Semua pembayaran oleh Pemohon hendaklah dibuat kepada Bank secara penuh tanpa apa-apa potongan atau penangguhan (sama ada berkenaan dengan apa-apa pengurangan, tuntutan balas, duti, Cukai, Caj atau selainnya) melainkan potongan atau penangguhan itu dikehendaki oleh Undang-undang, dimana Pemohon dengan serta-merta perlu membayar kepada Bank apa-apa amaun tambahan supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank akan sama dengan jumlah penuh yang akan diterima olehnya sekiranya potongan atau penangguhan itu tidak dibuat.
- (c) Semua pembayaran oleh Pemohon kepada Bank hendaklah dibuat dalam mata wang yang diperuntukan di dalam perkhidmatan dan / atau pembiayaan berkaitan Produk Dagangan. Bank mempunyai hak untuk menukarkan apa-apa pembayaran yang diterima daripada Pemohon dalam mata wang lain ke dalam mata wang yang diperuntukan untuk tujuan pembayaran di bawah prinsip Syariah *Sarf* (Pertukaran Mata Wang) dan Pemohon hendaklah menanggung rugi Bank apa-apa kos, kerugian atau liabiliti yang timbul daripada atau akibat daripada pertukaran tersebut.
- (d) Jika apa-apa pembayaran yang kena dibayar oleh Pemohon, atau apa-apa perintah, penghakiman atau keputusan yang diberikan atau dibuat berhubung dengan apa-apa pembayaran yang kena dibayar oleh Pemohon, perlu ditukar kepada mata wang lain bagi tujuan membuat atau memfailkan tuntutan atau bukti terhadap Pemohon atau mana-mana orang lain, atau memperoleh atau menguatkuasakan perintah, penghakiman atau keputusan itu, Pemohon

hendaklah menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kos, kerugian atau liabiliti yang timbul daripada atau akibat daripada pertukaran tersebut.

- (e) Sekiranya Bank perlu membuat pendahuluan dan/atau membayar bagi pihak Pemohon dan pembayaran tersebut belum dibayar balik, Pemohon bersetuju bahawa mereka berhutang dengan Bank di bawah prinsip Syariah *Qard* (pinjaman) dan terikat untuk membayar amaun yang telah dibayar dengan serta-merta apabila diminta oleh Bank

5.0 TANGGUNG RUGI DAN LIABILITI

- 5.1 **Tanggung rugi:** Pemohon bersetuju dan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank terhadap apa-apa atau semua tuntutan, liabiliti, permintaan, kerugian, ganti rugi, kos, Cukai dan perbelanjaan (termasuk perbelanjaan guaman kepada peguam cara dan perbelanjaan pelanggan sendiri) yang dibawa terhadap, yang dialami atau ditanggung oleh Bank yang timbul daripada atau akibat daripada Permohonan itu dan apa-apa urusan niaga yang diproses di bawahnya atau Terma ini melainkan perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh penipuan di pihak Bank, kecuaiian melampau atau pelanggaran yang disengajakan terhadap kewajipannya di bawah Terma ini.
- 5.2 **Liabiliti:** Bank hanya bertanggung bagi kerugian atau kerosakan langsung jika kerugian atau kerosakan tersebut disebabkan secara langsung oleh penipuan di pihak Bank, kecuaiian melampau (*gross negligence*) atau pelanggaran undang-undang secara sengaja terhadap kewajipannya di bawah Terma ini.

Walau apa pun jua disebaliknya, Bank dan/atau mana-mana pegawai dan pekerjaannya tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan tidak langsung, sampingan, berbangkit dan/atau sekunder, termasuk apa-apa kehilangan keuntungan atau pendapatan, simpanan, kehilangan peluang, kerugian jangkaan, kerugian pergantungan atau kerugian tulen ekonomi dan apa-apa ganti rugi teladan atau yang membebaskan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pemohon atau pihak ketiga.

6.0 HAK DAN REMEDI BANK

6.1 Hak untuk Mendebit

- (a) Pemohon hendaklah memastikan bahawa dia mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun mereka dengan Bank. Pemohon bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menguntukkan atau mendebit akaunnya bagi apa-apa Keberhutangan dan Caj.
- (b) Jika disebabkan oleh debit sedemikian:
 - (i) akaun pemohon akan melebihi had pengeluaran, tertakluk kepada Klausula 6.1 (a) (*Hak untuk Mendebit*), Pemohon bersetuju untuk membayar ganti rugi kepada Bank pada kadar seperti yang ditentukan oleh Bank dan caj lain yang Bank boleh kenakan; dan / atau
 - (ii) mana-mana cek Pemohon menjadi tak laku kerana kekurangan dana, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemohon.
- (c) Pemohon membenarkan:
 - (i) Bank mendebitkan akaunnya atas arahan CIMB Bank Berhad ("CIMB Bank") dan meremitkan wang tersebut kepada CIMB Bank untuk pembayaran apa-apa keberhutangan, yuran, cukai, caj, komisen, kos dan perbelanjaan serta amaun lain yang berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan perdagangan dan pembiayaan produk yang diberikan CIMB Islamic Bank kepada Pemohon; dan
 - (ii) CIMB Bank mendebitkan akaunnya atas arahan Bank dan untuk meremitkan wang tersebut kepada Bank bagi membayar apa-apa Keberhutangan dan Caj.

6.2 Lien dan Hak untuk Mengurangkan Hutang

Bank mempunyai lien dan mempunyai hak, dengan memberi notis bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar kepada Pemohon, untuk menahan, menyatukan, mengumpul dan/atau menggabungkan mana-mana atau semua akaun Pemohon (termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun semasa, deposit atau pinjaman) dalam mana-mana mata wang dan di mana sahaja terletak atau dalam deposit dengan Bank, atau mana-mana ahli gabungan, di mana-mana cawangan atau ibu pejabat Bank, sama ada disimpan dalam akaun biasa atau deposit khas, atau untuk menyimpannya secara selamat atau sebaliknya dan Bank boleh mendebit, menolak atau memindahkan apa-apa jumlah kredit tetap dalam akaun tersebut dan / atau Cagaran Tunai [sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausa 6.3 (a) (i) (Cagaran Tunai) di bawah] bagi menyelesaikan apa-apa Keberhutangan dan Caj.

6.3 Sekuriti

(a) Cagaran Tunai

- (i) Apabila diminta oleh Bank, Pemohon hendaklah menyediakan wang tunai sebagai cagaran ("**Cagaran Tunai**"). Bank berhak untuk mendebitkan Cagaran Tunai daripada akaun-akaun Pemohon untuk disimpan di Bank.
- (ii) Cagaran Tunai itu hendaklah dianggap sebagai jaminan kepada Keberhutangan dan Caj dan tidak boleh dilepaskan sehingga pembayaran penuh Keberhutangan dan Caj.
- (iii) Pemohon tidak boleh mewujudkan atau membenarkan wujudnya apa-apa gadai janji, penyerahan hak, caj, cagaran, lien atau jaminan lain, faedah atau bebanan terhadap Cagaran Tunai.
- (iv) Pemohon tidak berhak atas apa-apa keuntungan yang terhasil daripada Cagaran Tunai pada bila-bila masa.
- (v) Apa-apa tunai yang dikutip di bawah jaminan ini hendaklah disimpan oleh Bank yang diamanahkan bagi pihak Pemohon dan Pemohon membenarkan Bank menggunakan tunai tersebut dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai untuk penyelesaian penuh Keberhutangan dan Caj-caj

(b) Aku janji untuk Menyediakan Sekuriti Selanjutnya

Apabila diminta oleh Bank, Pemohon hendaklah memberikan sekuriti tambahan tertakluk kepada kepuasan Bank. Semua kos yang dikenakan hendaklah ditanggung oleh Pemohon.

7.0 PENAFIAN MENGENAI KEBOLEHDAGANGAN DAN KESESUAIAN

Bank tidak boleh membuat representasi, waranti, secara nyata atau tersirat bagi kebolehdagangan atau kesesuaian penggunaan Produk Dagangan oleh Pemohon.

8.0 NOTIS

Melainkan jika diperuntukkan sebaliknya dalam Terma-terma ini, semua notis, permintaan, arahan dan komunikasi atau proses undang-undang lain yang berkaitan dengan Permohonan oleh Bank kepada Pemohon hendaklah diberikan dalam salah satu cara yang berikut dan disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya:

- (a) jika dihantar sendiri, pada masa ia dihantar;
- (b) jika dihantar melalui pos biasa atau berdaftar ke alamat yang diberikan dalam Permohonan (atau alamat terakhir dalam rekod Bank), dan dianggap diterima pada Hari Kedua (2) Perniagaan

selepas pengeposan kecuali apabila ianya dikembalikan kepada pihak Bank kerana tidak berjaya dihantar;

- (c) Jika dihantar melalui kurier, dan dianggap diterima atas pengakuan pada nota penghantaran kurier;
- (d) jika dipaparkan di premis dan / atau laman sesawang Bank, dan dianggap diterima apabila paparan itu dibuat; dan / atau
- (e) jika dihantar secara transmisi elektronik atau mel, atau dalam bentuk komunikasi segera (termasuk sistem pesanan ringkas (SMS) dan rakaman suara), pada masa ia dihantar.

Apa-apa perubahan alamat atau alamat e-mel Pemohon adalah berkuat kuasa dan mengikat Bank apabila notis sebenar tentang perubahan itu telah diberikan kepada Bank.

Melainkan dinyatakan di sini, semua notis dan komunikasi kepada Bank hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh Pemohon, dan dihantar ke alamat Bank seperti yang diberitahu dari semasa ke semasa dan semua notis daripada Pemohon akan berkuatkuasa hanya apabila Bank menerimanya dan bukti penerimaan disahkan oleh Bank.

9.0 VARIASI

Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Terma-terma ini, Bank boleh meminda mana-mana peruntukan dalam Terma-terma ini dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemohon tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar. Notis boleh diberikan dalam mana-mana cara yang disebut dalam Klausa 8.0 (*Notis*) atau melalui laman sesawang Bank. Pindaan tersebut akan berkuat kuasa dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh notis atau lebih awal, jika dipersetujui oleh Pemohon.

10.0 PENDEDAHAN DAN KERAHSIAAN

10.1 Pemohon bersetuju bahawa Bank dibenarkan untuk mendedahkan sebarang maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan Permohonan dan hal ehwal atau akaun Pemohon kepada orang tersebut di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 termasuk:

- (a) Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa kawal selia lain atau pihak berkuasa atau badan penguatkuasa (kerajaan atau sebahagiannya) dibawah mana-mana Undang-undang Terpakai di dalam atau di luar Malaysia;
- (b) Menurut sebarang sepina atau permintaan atau perintah mahkamah; dan
- (c) Dimana perkongsian maklumat diperlukan oleh Undang-undang berkenaan.

10.2 Pemohon juga bersetuju mengizinkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pemohon, Terma ini, Transaksi perdagangan atau Produk Perdagangan yang disediakan oleh Bank kepada:

- (a) mana-mana ejen Bank, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat profesional, di dalam atau di luar Malaysia untuk memudahkan dan /atau melindungi operasi perniagaan, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan berkaitan dengan Produk Perdagangan oleh Bank dan Syarikat Kumpulan (seperti yang ditakrifkan di bawah);
- (b) mana-mana intitusi kewangang yang denganya Pemohon mempunyai atau bercadang untuk berurusan dengannya;
- (c) mana-mana penanggung takaful atau insurans yang disediakan atau broker takaful/insurans atau pembekal langsung atau perlindungan kredit/ Bank atau yang diperlukan untuk penyenggaraan dan/ atau pemudahan Transaksi Perdagangan atau Produk Perdagangan;

- (d) mana-mana entiti dalam kumpulan korporat CIMB Group Holdings Berhad dan syarikat induk muktamad Bank ("Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat Kumpulan tersebut bermastautin, terletak, menjalankan perniagaan diperbadankan atau ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia di mana Bank menganggap pekongsian yang diperlukan untuk memberi kesan melengkapkan, mengesahkan atau menyekat Transaksi atau arahan Perdagangan;
- (e) sebarang kos tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan yang mana Bank dikehendaki membuat pekongsian atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, permintaan, atau pelaporan keperluan, atau untuk tujuan litigasi yang berpotensi atau litigasi yang melibatkan Bank apabila dan apabila diperlukan atau diminta untuk berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa; dan
- (f) mana-mana penerima pindahan atau penerima serah hak yang berpotensi kepada mana Bank sedang berunding untuk pemindahan, penyerahan hak dan/ atau novasi atau sebarang hak atau kewajipan di bawah atau berkaitan dengan Transaksi Perdagangan atau Produk Perdagangan.

Pemohon memahami dan bersetuju bahawa persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik dan pekongsian maklumat oleh Pemohon diperlukan untuk penyediaan Transaksi Perdagangan dan Produk Perdagangan, perkhidmatan berkaitan atau prestasi kontrak dengan Pemohon untuk mematuhi kontrak atau undang-undang yang telah ditetapkan.

Sebarang pekongsian oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) juga mungkin untuk tujuan silang jualan dengan syarat sentiasa pekongsian untuk tujuan silang jualan tidak akan dilaksanakan sekiranya pendedahan tersebut dibantah oleh Pemohon dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang dimana mungkin diubah dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemohon): [Unit Resolusi Pelanggan (CRU). P.O.Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tel: +603 6204 7788 / e-mel: contactus@cimb.com].

11.0 KLAUSA PRIVASI

Pemohon mengesahkan bahawa ia telah memperoleh persetujuan individu ("**Individu Berkaitan**") dan telah memberitahu Individu Berkaitan tersebut:

- (a) berkenaan dengan pendedahan dan peruntukan oleh Pemohon mengenai data peribadi Individu Berkaitan kepada Bank untuk diproses menurut Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010 untuk maksud Terma dan Permohonan ini;
- (b) bahawa semakan rujukan, termasuk pemeriksaan rujukan kredit / laporan kredit mungkin dilaksanakan pada Individu Berkaitan bagi memastikan status Pemohon dan Individu Berkaitan;
- (c) berkenaan dengan pendedahan data peribadi Individu Berkaitan kepada kategori pihak-pihak yang dinyatakan dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di www.cimb.com.my).

Pemohon mengaku janji untuk memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada data peribadi mana-mana Individu Berkaitan dan apa-apa pembatalan terhadap persetujuan yang sedemikian, dan Pemohon bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menamatkan peruntukan Produk Dagangan sekiranya persetujuan tersebut dibatalkan.

12.0 PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

- 12.1 Peruntukan Produk Dagangan oleh Bank adalah tertakluk kepada pematuhan Bank terhadap semua Undang-undang termasuk apa-apa sekatan pertukaran asing, undang-undang pencegahan pengubahan wang haram, undang-undang pencegahan pembiayaan keganasan dan / atau pengenaan sekatan terhadap Pemohon, mana-mana orang atau entiti (dan / atau benefisiari) yang kepadanya pembiayaan

dan / atau perkhidmatan lain disediakan berkaitan dengan Permohonan (walau pun sama ada Undang-undang tersebut mempunyai sebarang kesan undang-undang dan mengikat Bank).

- 12.2 Pemohon hendaklah memastikan pematuhan Undang-undang dalam semua bidang kuasa yang terpakai kepadanya.

13.0 PENGGUNAAN PIHAK KETIGA

Pemohon bersetuju untuk menanggung rugi Bank bagi semua kewajipan pembayaran mana-mana pihak ketiga yang dibenarkan oleh Pemohon untuk menggunakan Produk Dagangan sama ada atau tidak permohonan dibuat oleh Pemohon atau pihak ketiga tersebut.

14.0 KEMUKTAMADAN PENYATA DAN PERAKUAN

Penyata yang dikeluarkan atau perakuan dari Bank tentang jumlah yang Pemohon bertanggung untuk atau yang perlu diibayar kepada Bank di bawah Permohonan ini, jika tiada ralat yang nyata, adalah muktamad dan mengikat Pemohon bagi semua tujuan termasuk prosiding undang-undang.

15.0 PELBAGAI

- 15.1 **Pengasingan:** Apa-apa terma dan syarat yang terkandung dalam Terma-terma ini yang dilarang, diharamkan atau tidak boleh dikuatkuasakan akan diasingkan dan hanya tidak berkesan sehingga tahap ia dilarang, diharamkan atau tidak boleh dikuatkuasakan tanpa membatalkan syarat-syarat lain dan kesahan, kesahihan dan kebolehuatkuasaan terma yang selebihnya tidak akan dikuatkuasakan atau terjejas.
- 15.2 **Hak dan Remedi Kumulatif:** Hak Bank di bawah Terma ini adalah kumulatif dan bukan eksklusif mana-mana hak yang lain di bawah mana-mana Undang-undang yang terpakai; dan hanya boleh diketepikan secara bertulis dan khusus. Apa-apa kelewatan dalam melaksanakan atau tidak melaksanakan mana-mana hak sedemikian bukanlah pengecualian hak itu.
- 15.3 **Tiada Pengecualian:** Tiada kegagalan atau kelewatan oleh Bank untuk melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan, hak atau remedi di bawah Terma ini diertikan sebagai penepian atau had, prasangka atau merosakkan hak-hak Bank untuk mengambil apa-apa tindakan atau melaksanakan apa-apa hak.
- 15.4 **Kelonggaran dan Kompromi:** Bank tidak akan dengan apa-apa cara pun berprasangka atau terjejas oleh mana-mana kompromi masa, pengaturan atau kelonggaran yang boleh disetujui atau diberikan kepada Pemohon, benefisiari dan/atau mana-mana orang yang bertanggungjawab terhadap bank berkenaan dengan, atau berhubung dengan, atau dalam apa cara sekalipun timbul di bawah Terma ini.
- 15.5 **Serah hak:** Pemohon tidak boleh menyerah hak atau memindahkan mana-mana haknya dan / atau kewajipannya di bawah Terma ini. Bank berhak untuk menyerah hak dan / atau memindahkan hak dan kewajipannya di bawah Terma ini dengan memberikan notis bertulis kepada Pemohon.
- 15.6 **Undang-undang dan Bidang Kuasa yang Mentadbir:** Terma dan Permohonan ini ditadbir oleh dan diertikan menurut undang-undang Malaysia. Pihak yang berkenaan dengan ini patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

16.0 TERMA KHUSUS PERKHIDMATAN PERDAGANGAN

- 16.1 **International Chamber of Commerce ("ICC")**

Melainkan pihak-pihak berkenaan saling bersetuju sebaliknya, Produk Dagangan berikut adalah tertakluk kepada bahan penerbitan yang diterima pakai yang dikeluarkan oleh ICC:

- (a) semua DC-i hendaklah ditafsirkan selaras dengan *Uniform Customs and Practice for Documentary Credits* yang terkini dan *Supplement to the Uniform Customs and Practice for Documentary Credits for Electronic Presentation*;
- (b) semua SBLC-i hendaklah ditafsirkan selaras dengan *International Standby Practices* yang terkini;
- (c) semua SG-i, BG-i dan QG-i hendaklah ditafsirkan selaras dengan *Uniform Rules for Demand Guarantees* yang terkini;
- (d) semua Kutipan akan dilaksanakan tertakluk kepada *Uniform Rules for Collection* yang terkini dan *Supplement to Uniform Rules for Collection for Electronic Presentation*;
- (e) *Uniform Rules for Bank-to-Bank Reimbursement* yang terkini; dan
- (f) mana-mana ICC Rules terpakai yang diterbitkan oleh ICC dari semasa ke semasa.

Sekiranya terdapat apa-apa terma yang bercanggah antara mana-mana ICC Rules dengan Terma ini, maka Terma ini akan diutamakan.

16.2 Kredit Berdokumen-i ("DC-i"): Syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada semua DC:

- (a) Bank menguruskan Dokumen semata-mata dan bukannya dengan Barangan atau prestasi Urus Niaga Perdagangan tersebut. Bank diberi kuasa untuk menerima dan/atau membayar atau membayar dahulu mana-mana Dokumen yang dikeluarkan atas Pemohon yang mematuhi terma-terma yang dinyatakan semasa membuka DC-i. Bank tiada kena-mengena dengan penyempurnaan wajar kontrak yang melibatkan Urus Niaga Perdagangan.
- (b) Bank boleh, menurut budi bicaranya, meminta nasihat / rundingan di bawah DC-i ini untuknya sendiri atau kepada mana-mana bank koresponden atau ejennya.
- (c) Bank boleh, menurut budi bicaranya, menolak Dokumen sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dalam mana-mana dokumen itu terhadap terma di dalam DC-i.
- (d) Berhubung dengan penyemakan Dokumen yang diterima oleh Bank di bawah DC-i, penentuan pematuan oleh Bank adalah tetap dan muktamad.
- (e) Bank mempunyai lien ke atas semua Barangan, Dokumen, polisi insurans / sijil takaful dan perolehan dengan mempunyai kuasa penuh ke atas jualan Barangan tersebut, untuk apa-apa kewajipan atau liabiliti masa kini atau masa depan yang ditanggung oleh Bank dan yang akan timbul daripada DC-i ini.
- (f) Jika bank pembayar ganti telah dilantik oleh Pemohon atau oleh Bank, DC-i tertakluk kepada *Uniform Rules for Bank-to-Bank Reimbursement* yang terkini.

Jika mana-mana Dokumen yang dikemukakan oleh bank pembayar ganti berkenaan mengandungi apa-apa percanggahan dan bank pembayar ganti tersebut telah menerima percanggahan sedemikian, Pemohon kekal bertanggungjawab untuk membayar Bank tidak mengira apa penerimaan bank pembayar ganti terhadap percanggahan tersebut.

- (g) Bank boleh, menurut budi bicaranya dan tanpa memberikan notis kepada Pemohon, menukar kepada Ringgit Malaysia yang setara nilainya bagi apa-apa pembayaran yang akan dibuat oleh Bank di bawah DC-i.
- (h) Bank berhak untuk mengenakan Dokumen tambahan dan / atau terma dan syarat berkaitan dengan DC-i sebelum dan selepas pengeluaran DC bagi tujuan pematuan Undang-undang.

- (i) Bank berhak menerima, menurut budi bicaranya, mana-mana polisi insurans / sijil *takaful* yang dikeluarkan oleh negara-negara lain dengan klausa yang setara dengan klausa Institute Cargo.
- (j) Bank boleh mengeluarkan DC-i melalui cawangan luar negara. Sekiranya terdapat perlanjutan DC-i yang syarat-syaratnya telah diubah atau diubah suai, terma-terma yang diubah suai dan / atau diubah itu akan diteruskan kepada Pemohon dalam segala aspek DC-i seperti yang dilanjutkan itu.
- (k) Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab terhadap pemerihalan, kuantiti, kualiti atau nilai Barangan atau prestasi Urus niaga Perdagangan, atau untuk ketepatan, ketulen atau kesahihan Dokumen, atau untuk mana-mana sebab lain yang di luar kawalan Bank.
- l) Pengendorsan Dokumen Pengangkutan: Sebagai mempertimbangkan Bank yang mengesahkan dan melepaskannya kepada Pemohon - bil angkutan udara / bil muatan asal / resit penghantaran pos (secara kolektif, "**Dokumen Pengangkutan**"), Pemohon bersetuju untuk: (a) memastikan Bank ditanggung rugi menurut Klausa 5.1 (Tanggung Rugi) dalam Terma ini; dan (b) menerima Dokumen Pengangkutan tanpa mengambil kira apa-apa percanggahan dan / atau ketidaklengkapan; dan (c) membayar semua kos dan perbelanjaan yang dialami.
- (m) Pemindahan Kredit Berdokumen-i ("DC-i")
 - (i) Pemindahan Penuh bermaksud apabila semua hak dan kewajipan Pemohon (Benefisiari di dalam DC-i yang asal) dipindahkan kepada pihak ketiga ("**Penerima Pindahan**"), Penerima Pindahan mempunyai semua hak sebagai benefisiari Pemindahan DC-i tersebut sehingga amaun yang dipindahkan yang dinyatakan dalam Borang Permohonan, termasuk apa-apa hak yang berkaitan dengan apa-apa pindaan. Penerima Pindahan akan dimaklumkan terus tentang apa-apa pindaan berikutnya tanpa persetujuan bertulis atau notis terlebih dahulu kepada Bank melainkan jika pindaan tersebut meningkatkan nilai dan / atau kuantiti Barangan dan / atau menjadi pengganti mana-mana Dokumen berkenaan.
 - (ii) Pemindahan Separa bermaksud hanya sebahagian daripada hak dan kewajipan Pemohon (Benefisiari di dalam DC-i asal) dipindahkan kepada Penerima Pindahan. Pemohon hendaklah dimaklumkan tentang apa-apa pindaan yang berikutnya dan kemudiannya, Pemohon hendaklah menunjukkan kepada Bank sama ada atau tidak Penerima Pindahan perlu dimaklumkan mengenai pindaan tersebut. Pemohon bersetuju untuk menanggung rugi Bank atas apa-apa akibat yang mungkin timbul daripada apa-apa kelewatan dan / atau tinggalan dalam indikasi tersebut.
 - (iii) Pemohon bersetuju bahawa setelah menerima Dokumen Penerima Pindahan itu, Pemohon hendaklah menyerahkan kepada Bank, Dokumen yang dikeluarkan mengikut syarat-syarat asal DC-i ("**Dokumen asal**") dan Dokumen asal itu perlu dilampirkan oleh Bank kepada dokumen penghantaran sebagai ganti dokumen yang dikemukakan oleh Penerima Pindahan ("**Dokumen Gantian**").
 - (iv) Bank boleh, menurut budi bicaranya, memilih untuk membayar kepada Pemohon dengan serta-merta atau selepas Bank menerima hasil daripada bank pengeluar. Bank tiada kewajipan untuk bertolak ansur terhadap apa-apa penarikan balik di bawah DC-i yang telah dipindahkan.
 - (v) Sekiranya Pemohon gagal mengemukakan Dokumen Gantian kepada Bank apabila diminta oleh Bank, pihak Bank diberi kuasa untuk melupuskan Dokumen asal mengikut arahan daripada bank pengeluar DC-i asal tanpa apa-apa liabiliti ke atas Bank.
- (n) Pengeluaran Kredit Berdokumen-i ("DC-i")

- (i) Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan, ketinggalan, keingkaran, penggantungan, insolvensi atau kebangkrutan mana-mana bank koresponden atau ejen, atau apa-apa kelewatan pengiriman wang, kerugian dalam pertukaran mata wang atau kehilangan barangan atau perolehan, semasa penghantaran atau semasa mengutip bayaran dari bank pengeluar DC-i, sehingga Bank telah menerima pembayaran tersebut.
- (ii) Pemohon membenarkan Bank untuk mendebitkan akaunnya bagi apa-apa pengemukaan dan / atau pengeluaran yang dibuat berdasarkan jangkaan penerimaan pembayaran daripada bank pengeluar DC-i dan untuk apa-apa pembayaran yang dibuat berkaitan dengannya.
- (iii) Sekiranya dikehendaki oleh peraturan pertukaran mata wang, Bank hendaklah melepaskan Dokumen terhadap pembayaran sementara dalam mata wang tempatan dan aku janji bertulis daripada bank pengeluar DC-i untuk kekal bertanggungjawab terhadap sebarang turun naik mata wang asing.
- (iv) Sekiranya kredit segera diberikan untuk Dokumen yang ditetapkan dalam Borang Permohonan, Pihak yang terlibat bersetuju bahawa kredit itu bersyarat dan adalah tertakluk kepada penerimaan oleh Bank untuk pembayaran yang diperlukan daripada bank pengeluar DC-i; dengan ketiadaan penerimaan sedemikian, atas permintaan Bank, Pemohon akan membayar balik Bank untuk amaun pendahuluan ditambah dengan kadar kos wajar yang dipersetujui dan/atau caj (jika ada) untuk masa yang belum dijelaskan. Jika mana-mana Dokumen dikembalikan tanpa dibayar, draf dan/atau dokumen hendaklah dikembalikan ke alamat yang tercatat dalam Borang Permohonan.
- (v) Difahami bahawa apabila menerima Dokumen untuk pengemukaan, Bank hanya bertindak sebagai bank penyerah dan tidak bertanggungjawab di luar batasan pelaksanaan sewajarnya. Semua item dikreditkan tertakluk kepada pembayaran akhir dalam bentuk wang tunai atau kredit mampu bayar. Bank tidak akan bertanggungjawab kecuali atas kecuaiannya sendiri.

16.3 Pungutan Berdokumentari Jualan-i ("OBC-i")

- (a) Pemohon bersetuju bahawa ia perlu menjalankan dengan sewajarnya penamaan mana-mana bank koresponden atau ejen yang kepadanya Dokumen mungkin dihantar untuk pengutipan bayaran. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa tindakan, ketinggalan, keingkaran, penggantungan, insolvensi atau kebangkrutan mana-mana bank koresponden atau ejen yang dinamakan oleh Pemohon, atau bagi apa-apa kelewatan, kehilangan atau kerosakan semasa penghantaran atau dalam masa pengutipan.
- (b) Jika tiada penamaan sedemikian, Bank boleh menamakan mana-mana bank koresponden atau ejen bagi pihak Pemohon dan Pemohon bersetuju untuk mematuhi apa-apa terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh bank koresponden atau ejen tersebut..
- (c) Bank diberi kuasa untuk mendebitkan akaun Pemohon untuk apa-apa pendahuluan yang dibuat dalam jangkaan pengutipan dan juga semua pembayaran yang dibuat berkaitan dengannya.
- (c) Difahami bahawa apabila menerima Dokumen untuk pengutipan, Bank hanya bertindak sebagai agen pengutipan dan tidak bertanggungjawab melainkan hal yang tersebut berlaku disebabkan secara langsung oleh penipuan di pihak Bank, kelalaian melampau atau pelanggaran sengaja terhadap kewajipannya di bawah Terma ini. Semua item yang dikreditkan tertakluk kepada pembayaran akhir dalam bentuk wang tunai atau kredit mampu bayar.

16.4 Surat Kredit Tunggu Sedia-i ("SBLC-i")

- (a) Pemohon memberi kuasa kepada Bank untuk membayar semua tuntutan yang diwujudkan ke atas SBLC-i menurut Terma ini.

- (b) Bank boleh, menurut budi bicaranya, membataskan pemakluman SBLC-i kepada pejabatnya sendiri atau kepada mana-mana koresponden atau ejen yang dipilih oleh Bank.
- (c) Bank diberi kuasa untuk mengarahkan mana-mana bank atau cawangan untuk menghantar apa-apa tuntutan melalui satu atau lebih pos atau apa-apa kaedah pengangkutan lain menurut budi bicaranya.
- (d) Bank boleh, menurut budi bicaranya, menolak tuntutan jika terdapat apa-apa percanggahan dalam mana-mana dokumen tuntutan tersebut terhadap terma SBLC-i.
- (d) Apabila merujuk semakan dokumen tuntutan yang dikeluarkan oleh bank di bawah SBLC-i, penetapan pematuhan Bank adalah muktamad dan konklusif.
- (e) Difahami bahawa Bank hanya berurusan dengan Dokumen dan bukannya dengan Barangan atau prestasi Urus niaga Perdagangan. Kewajipan Bank dalam hal ini hanya untuk menerima Dokumen bagi pihak Pemohon sahaja.
- (f) Bank diberi kuasa untuk membuat apa-apa penambahan kepada Dokumen dan / atau terma dan syarat yang dinyatakan di bawah SBLC-i ini, yang dianggap perlu oleh Bank termasuk pematuhan terhadap mana-mana Undang-undang, tetapi Bank tidak diwajibkan untuk berbuat demikian.
- (h) Bank diberi kuasa, menurut budi bicaranya, untuk mengeluarkan SBLC-i melalui cawangan luar negara Bank. Sekiranya terdapat apa-apa perlanjutan atau pembaharuan SBLC-i, penambahan atau pengubahsuaian lain termanya, terma dalam SBLC-i akan tetap mengikat Pemohon bagi SBLC-i yang dilanjut, diperbaharui, ditambah atau diubah suai.

16.5 Jaminan Perkapalan-i ("SG-i")

- (a) Bank diberi kuasa untuk: (i) melunaskan apa-apa tuntutan (termasuk penerimaan apa-apa Dokumen yang dikemukakan) yang dibuat di bawah apa-apa DC-i, IBC-i atau Dokumen yang berkaitan dengan apa-apa Barangan yang dilepaskan dan membayar amaun yang diinvokasikan bagi Barangan atau nilai Barangan tersebut (yang mana lebih tinggi) tanpa memeriksa mana-mana Dokumen yang dikemukakan dan sama ada terdapat sebarang percanggahan atau tidak; dan (ii) menggunakan apa-apa Dokumen Pengangkutan yang dimiliki oleh Bank untuk menebus mana-mana SG-i;
- (b) Pemohon hendaklah dengan serta-merta menerima apa-apa Dokumen yang dikemukakan untuk pembayaran Barangan yang berkaitan (sama ada bercanggah atau tidak) dan hendaklah menanggung rugi Bank dan masing-masing Pihak yang Ditanggung Rugi menurut Klausula 5.1 (*Tanggung Rugi*).
- (c) Barangan dan / atau Dokumen dilepaskan kepada Pemohon untuk tujuan penghantaran dan penjualan Barangan.
- (d) Pemohon bersetuju bahawa apabila menerima bil muatan yang berkaitan, Pemohon hendaklah memperoleh pengembalian SG-i tersebut dalam masa yang munasabah dan menyerahkannya kepada Bank untuk pembatalan.
- (e) Pemohon bersetuju bahawa liabiliti berkenaan dengan SG-i hendaklah diteruskan dan tidak akan dikurangkan sehingga SG-i telah dikembalikan kepada Bank dan Bank telah dilepaskan daripada semua liabilitinya di bawah SG-i.
- (f) Sekiranya SG-i tidak dikembalikan kepada Bank dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh keluarannya, Pemohon membenarkan Bank untuk mendebitkan akaun Pemohon bagi apa-apa Caj yang mungkin ditanggung oleh Bank.

16.6 Jaminan Bank-i ("BG-i"):

- (a) Pemohon bersetuju bahawa:
- (i) dia tidak boleh, pada bila-bila masa pada atau sebelum tarikh luput BG-i, mengarahkan dan / atau menyebabkan Bank membatalkan dan / atau melepaskan liabilitinya untuk membayar di bawah BG-i atau mana-mana bahagiannya;
 - (ii) Sekiranya BG-i memperuntukan klausa tentang pengurangan amaun yang dijamin di bawah BG ("**Nilai Jaminan**") apabila berlakunya sesuatu peristiwa, melainkan peristiwa itu boleh ditentukan oleh pihak Bank, Pemohon akan terus terikat kepada Bank pada Nilai Jaminan yang asal kecuali dan sehingga Bank menerima pengesahan bertulis yang memuaskan dari benefisiari tentang pengurangan **Nilai Jaminan** itu; dan
 - (iii) apabila diminta oleh benefisiari, Bank mempunyai hak dan kuasa untuk membayar kepada benefisiari dengan apa-apa jumlah atau jumlah-jumlah hingga **Nilai Jaminan**, tanpa apa-apa rujukan kepada Pemohon, dan tanpa apa-apa perhatian berat atau menyoal apa-apa yang pertikaian atau perbantahan yang boleh dibangkitkan oleh Pemohon dan / atau mana-mana pihak lain, dan tanpa perlu merujuk atau mentafsirkan apa-apa dokumen, perjanjian, persefahaman atau nota antara Pemohon dengan benefisiari, walau apa pun yang terkandung dalam BG-i;
- (b) Bank berhak untuk menukar mana-mana BG-i dalam denominasi mata wang asing kepada Ringgit Malaysia selepas membuat pembayaran berkenaan dengan tuntutan di bawah BG-i dan Pemohon adalah bertanggungjawab terhadap Bank untuk amaun dalam Ringgit Malaysia bagi BG-i amaun yang telah ditukar itu;
- (c) Sekiranya berlaku keingkaran pembayaran oleh Pemohon, Bank berhak mengenakan Caj dan/atau mana-mana keuntungan atau kos atas kelewatan ke atas baki yang belum dijelaskan. Kos atas kelewatan ini akan dikira bermula dari tarikh pembayaran tuntutan oleh pihak Bank sehingga tarikh sebenar pembayaran balik jumlah tertunggak oleh Pemohon.
- (d) Sekiranya benefisiari bersetuju untuk membatalkan BG-i, BG-i tersebut hendaklah dibatalkan dan liabiliti Bank di bawah BG-i tersebut akan dilepaskan sepenuhnya tanpa mengira sama ada BG-i asal telah dikembalikan kepada Bank atau tidak.
- (e) Sekiranya berlaku apa-apa pindaan, pelanjutan dan/atau pembaharuan BG-i atau pengubahsuaian lain pada kandungan dan terma, terma dalam BG-i akan terus mengikat Pemohon bagi BG-i yang dipinda, dilanjutkan atau diperbaharui itu.
- (f) Sekiranya tarikh kuat kuasa lebih awal bagi BG-i dikehendaki atau diminta oleh Pemohon, Pemohon mengesahkan bahawa Pemohon tidak ingkar terhadap mana-mana kewajipan Pemohon yang akan menimbulkan apa-apa tuntutan atau permintaan yang boleh dibuat oleh Benefisiari di bawah BG-i. Di samping itu, Pemohon bersetuju dan mengaku janji untuk membayar balik kepada Bank, walau ada apa-apa bantahan oleh Benefisiari atau mana-mana pihak ketiga, sekiranya Bank menerima tuntutan yang sah di bawah BG-i berkenaan oleh kerana Pemohon ingkar sepanjang tempoh antara tarikh kuat kuasa dengan tarikh pengeluaran BG.

16.7 **Jaminan Segera-i ("QG-i"):** Selain Klausula 16.6 (Jaminan Bank), Pemohon bersetuju bahawa pengeluaran QG-i adalah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) borang dan kandungan QG-i boleh diterima oleh Bank dan ia mematuhi semua Undang-undang yang terpakai;
- (b) jika Pemohon ialah individu, dia hendaklah memberikan kepada Bank dokumen dan pengesahan perniagaan individunya yang berkaitan yang mana diterima oleh Bank dan memenuhi segala syarat lain (termasuk pelaksanaan perjanjian atau dokumen lain) yang mungkin dikenakan oleh Bank; dan

- (c) jika Pemohon bukan individu, Pemohon hendaklah memberikan dokumen, surat kuasa, dan dokumen lain yang mana diterima oleh Bank dan memenuhi apa-apa syarat lain (termasuk pelaksanaan perjanjian atau dokumen lain) yang mungkin yang dikenakan oleh Bank

Walau apa pun perkara di atas, Bank berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan itu tanpa perlu menyatakan apa-apa sebab kepada Pemohon.

17.0 TERMA KHUSUS PEMBIAYAAN PERDAGANGAN

17.1 Terma dan syarat yang berikut hendaklah terpakai untuk semua Pembiayaan Perdagangan:

- (a) apa-apa Urus niaga Perdagangan yang dikeluarkan oleh Pemohon dan dikemukakan kepada Bank untuk penerimaan dan / atau diskaun dari semasa ke semasa adalah untuk pembiayaan urus niaga perdagangan sebenar untuk pembelian daripada atau jualan kepada pemastautin atau bukan pemastautin;
- (b) bagi Urus niaga Perdagangan yang dikeluarkan oleh Pemohon untuk membiayai pembelian apa-apa Barang, Barangan itu tidak tertakluk kepada mana-mana sewa beli atau bertujuan untuk menjadi aset tetap Pemohon atau berniat disewakan kepada orang lain;
- (c) bagi Urus niaga Perdagangan yang dikeluarkan oleh Pemohon untuk membiayai jualan Barangan mengikut terma kredit, Barangan tidak tertakluk kepada perjanjian jualan dan pajakan balik atau Pemohon tidak berniat untuk menjual atau tidak mengikrarkan untuk menjual atau tidak menjual perhutangan itu di bawah perjanjian pempfaktoran atau Barangan tidak tertakluk kepada mana-mana terma sewa beli;
- (d) jika mana-mana pihak yang terlibat dengan Urus niaga Perdagangan adalah pemilik tunggal atau perkongsian, pemilik tunggal atau majoriti rakan kongsi itu bukan orang yang sama;
- (e) apabila mana-mana pihak kepada Urus niaga Perdagangan adalah syarikat yang berkaitan dalam pengertian Seksyen 7 Akta Syarikat 2016, Urus niaga Perdagangan itu adalah urus niaga *bona fide* yang dibuktikan oleh dokumentasi yang betul dan mencukupi;
- (f) berkenaan dengan apa-apa Urus niaga Perdagangan yang dikeluarkan oleh Bank untuk penerimaan dan / atau potongan, Pemohon tidak memperoleh atau tidak akan memperoleh apa-apa bentuk pembiayaan, sama ada melalui pajakan, sewa beli, atau pempfaktoran; dan
- (g) Pemohon maklum sepenuhnya tentang pendedahan mengenai risiko kadar tukaran asing apabila melakukan pembayaran dan / atau penyelesaian Urus niaga Perdagangan.

17.2 **Bil Penerimaan-i** ("AB-i"): Sebagai tambahan kepada Klausula 17.1, sekiranya diminta oleh Bank pada bila-bila masa, Pemohon bersetuju untuk mengemukakan AB-i (sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik) kepada Bank dengan serta merta atau selewat-lewatnya dalam tempoh tiga (3) hari kalendar daripada tarikh permintaan Bank. AB-i tersebut hendaklah mematuhi semua aspek dengan keperluan Bank. Sekiranya Pemohon gagal atau enggan mematuhi peruntukan klausula ini, Bank berhak untuk menolak mana-mana AB-i yang dikemukakan oleh Pemohon dan melaksanakan hak dan remedi yang lain di bawah Terma ini.

17.3 **Resit Amanah-i** ("TR-i"): Sebagai tambahan kepada Klausula 17.1, selagi Pemohon tetap bertanggungjawab di bawah Terma-terma ini berkenaan dengan mana-mana Produk Dagangan, jika ada Dokumen atau Barangan yang dipegang oleh atau dikeluarkan kepada Pemohon atau atas arahnya, Pemohon:

- (a) akan memegang Dokumen dan Barangan itu (dan hasil jualan dan / atau mana-mana insurans / takaful) atas amanah bagi Bank (atau, jika suatu amanah tidak diiktiraf dan boleh dikuatkuasakan, memegang pada perintah Bank) semata-mata untuk maksud yang dipersetujui antara Bank dengan Pemohon dari semasa ke semasa berkenaan dengan Produk Dagangan yang disediakan;

- (b) mempunyai milikan penuh kepada Barangan sebagai ejen yang tidak didedahkan oleh Bank dan Pemohon mengaku janji dan bersetuju untuk memegang Barangan yang dipertanggungjawabkan bagi pihak Bank dan mengesahkan bahawa Barangan berada dalam milikan pemohon dan Bank mempunyai hak untuk mengambil Barangan pada bila-bila masa, sekiranya diperlukan oleh Bank;
- (c) bersetuju untuk mendapatkan dan menyimpan Barang atas nama Bank dan jika Barangan berada di dalam gudang, untuk memegang waran tersebut sebagai amanah bagi Bank sebagai ejen dan / atau pemegang amanah Bank dan menyerahkan kepada Bank waran itu apabila diminta, dan memegang Barangan sehingga penjualan Barangan dilaksanakan;
- (d) akan, selepas penerimaan, segera membayar kepada Bank hasil penjualan dan / atau insurans Barangan tersebut;
- (e) Sekiranya Barangan atau mana-mana bahagiannya telah dijual atau diserahkan sebelum pembayaran penuh bil, Pemohon berjanji untuk memegang hasil jualan itu sebagai ejen dan / atau pemegang amanah Bank dan tertakluk kepada keselamatan Bank padanya dan untuk membayar kepada Bank hasil jualan Barangan dengan serta-merta apabila menerimanya;
- (f) sekiranya berlaku pelanggaran apa-apa kewajipan di bawah Terma ini termasuk tidak membayar pada tarikh matang mana-mana Keberhutangan oleh Pemohon atau apa-apa penyerahan bagi kepentingan pemiutang oleh Pemohon atau pemfailan apa-apa petisyen bangkrapsi terhadap Pemohon, Bank boleh, pada bila-bila masa, mengambil milikan Barangan itu, atau hasil jualannya dan semua kewajipan dan liabiliti hendaklah serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar;
- (g) Barangan dijual dalam “keadaan seperti mana sedia ada” yang bebas daripada semua bebanan, caj, lien dan / atau sekatan walau apa pun dan tanpa apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengannya;
- (h) bersetuju untuk mematuhi apa-apa arahan atau permintaan yang boleh diberikan oleh Bank kepada Pemohon berhubung dengan Dokumen dan Barangan itu; dan
- (i) memaklumi bahawa Bank boleh menjual dan / atau merealisasikan Barangan tersebut dengan cara dan atas terma dan syarat yang dianggapnya sesuai oleh bank.

17.4 Pembiayaan Eksport Tanpa Tuntutan Semula-i ("WREF-i"), Pembelian Bil Asing-i ("FBEP-i") dan Pembelian Bil Tempatan-i ("DBEP-i"): Selain Klausa 17.1, Pemohon bersetuju bahawa:

- (a) jumlah pembiayaan hendaklah berdasarkan amaun yang dirundingkan dalam Dokumen dan tertakluk kepada kadar yang ditetapkan oleh Bank ("**Jumlah Pembiayaan**"). Jumlah Pembiayaan akan diremitkan ke dalam akaun Pemohon di Bank seperti yang ditetapkan dalam Borang Permohonan.
- (b) Walau apa pun yang disebut di atas, Bank berhak menolak apa-apa Caj yang dikenakan berkaitan dengan rundingan Dokumen daripada Jumlah Pembiayaan tersebut.
- (c) Bank mempunyai budi bicara untuk menerima atau menolak permohonan Pemohon untuk merundingkan Dokumen tersebut dan apa-apa rundingan terhadap Dokumen adalah tertakluk kepada perkara yang berikut:
 - (i) Pemohon hendaklah membuka akaun operasi dengan Bank;
 - (ii) setiap representasi dan waranti masih bertepatan pada tarikh rundingan yang dicadangkan; dan
 - (iii) melainkan jika dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Bank hendaklah menerima: (iii-i) DC tak boleh batal asal dan pindaannya, jika ada; (iii-ii) penerimaan Dokumen dan pengesahan tarikh matang untuk pembayaran dari bank pengeluaran atau bank peraku, mengikut mana-

mana yang berkenaan melalui penghantaran tele yang disahkan; dan (iii-iii) Dokumen di bawah DC yang berkaitan.

(d) **WREF-i:**

- (i) Sekiranya Pemohon menerima apa-apa pembayaran berhubung dengan DC atau hasil jualan di bawah Urus niaga Perdagangan, Pemohon hendaklah dengan serta-merta membayar kepada Bank wang yang diterima dan jika tidak boleh dilaksanakan, memegang wang tersebut atas amanah untuk Bank.
- (ii) Bank hendaklah mempunyai tindakan penuh terhadap Pemohon sekiranya berlaku apa-apa: (ii-i) penipuan dan / atau penyelewengan dana; (ii-ii) pelanggaran mana-mana representasi dan / atau waranti dan / atau syarat Terma ini; (ii-iii) kekurangan antara amaun prinsipal yang dibiayai dan pembayaran yang diterima daripada bank yang mengeluarkan; (ii-iv) perintah kehakiman atau perintah rasmi lain yang menghalang pembayaran atas DC; dan (ii-v) ketakbayaran daripada bank pengeluar DC atas apa juga sebab.
- (iii) Pemohon hendaklah:
 - (iii-i) melaksanakan dan / atau menyebabkan dilaksanakan dan diserahkan kepada Bank, dokumen, perjanjian, surat dan surat cara berkenaan untuk tujuan mendapatkan faedah, hak milik dan kepentingan penuh Bank daripada DC, Dokumen dan Barangan tersebut;
 - (iii-ii) bekerjasama dengan Bank untuk memperoleh pembayaran amaun yang dikeluarkan di bawah DC dari bank pengeluar atau bank peraku, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (iii-iii) membantu Bank untuk menyelesaikan apa-apa percanggahan yang didakwa wujud oleh bank pengeluar atau bank peraku, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mana-mana Dokumen atau apa-apa pertikaian lain mengenai pembayaran itu; dan
 - (iii-iv) memaklumkan kepada pihak Bank jika ia mengetahui tentang apa-apa peristiwa atau keadaan yang boleh menjejaskan hak Bank terhadap penerimaan pembayaran bagi amaun yang dikeluarkan di bawah DC.
- (iv) Pemohon menyerahkan hak secara mutlak kepada Bank semua hak, hak milik, faedah dan kepentingan mereka dalam: (iv-i) pembayaran di bawah DC; (iv-ii) Barangan tersebut; (iv-iii) hasil jualan daripada Urus niaga Perdagangan; dan (iv-iv) semua insurans ke atas Barangan tanpa apa-apa caj atau bebanan walau apa jua pun.

18.0 KONSEP SHARIAH (terpakai untuk Produk Dagangan bukan kemudahan)

Produk	Konsep Syariah
Pembiayaan Eksport Tanpa Tuntutan Semula-i ("WREF-i")	Bai' Al-Dayn (Dagangan Hutang) merujuk kepada dagangan hutang dengan cara menjual/membeli hak atas hutang yang timbul daripada urus niaga perdagangan, dibuktikan oleh dokumen-dokumen dan kertas-kertas perdagangan. Dokumen yang membuktikan hutang sebenar yang terhasil daripada urus niaga saudagar bona fide sahaja yang boleh didagangkan. Pelanggan datang ke Bank untuk membiayai jualan eksport atau jualan domestik (belum terima). Bank membeli hak pelanggan terhadap hutang yang terhasil daripada jualan eksport atau jualan domestik tersebut. Penerimaan daripada pembelian selepas ditolak caj kemudiannya dikreditkan ke dalam akaun pelanggan. Pada tarikh matang, baki belum jelas tersebut hendaklah

Produk	Konsep Syariah
	dilangsaikan sama ada daripada penerimaan hasil eksport atau jualan domestic
Jaminan Segera-i ("QG-i")	Kafalah (Jaminan) merujuk kepada kontrak yang dibuat antara Bank dengan pihak ketiga (Benefisiari), dan Bank bersetuju untuk melepaskan liabiliti kepada pihak lain (Pemohon) kerana pihak tersebut ingkar daripada memenuhi kewajipannya. Rahn (Cagar) merujuk kontrak apabila suatu pihak, sebagai pencagar (<i>rahin</i>) mencagarkan suatu aset sebagai barang cagaran (<i>marhun</i>) kepada pihak lain, seorang pemegang cagaran (<i>murtahin</i>) untuk memenuhi liabiliti obligor atau kewajipan (<i>marhun bih</i>) terhutang kepada pemegang cagaran sekiranya berlaku ingkar oleh obligor sedemikian.
Pungutan Berdokumentari Belian-i ("IBC-i") Kredit Masuk Berdokumen-i ("IDC-i") Pungutan Berdokumentari Jualan-i ("OBC-i")	Ujrah (Bayaran Perkhidmatan) ialah bayaran yang dikenakan sebagai pertukaran perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada pelanggan.

Untuk Pembiayaan Perdagangan lain, konsep Syariah yang terpakai ditetapkan dalam surat penawaran dan/atau perjanjian pembiayaan yang berkenaan.

-TAMAT-